



KENYATAAN MEDIA

PENGARAH SYARIKAT DIDAKWA KERANA MELUPUSKAN SEBAHAGIAN SUBSTANTIAL ASET SYARIKAT TANPA KELULUSAN MESYUARAT AM

Isnin, 22 Januari 2018: Seorang pengarah syarikat Darvel Bay Hybrid Aquaculture Sdn. Bhd. (No. Syarikat:938019-W) telah didakwa di Mahkamah Sesyen Tawau, Sabah kerana tanpa kebenaran atau kelulusan mesyuarat am telah melakukan transaksi pelupusan harta-harta bernilai substantial bagi syarikat Darvel Bay Hybrid Aquaculture Sdn. Bhd. (No. Syarikat:938019-W) dengan jumlah keseluruhan bernilai RM800,000.00 pada 6 April 2015.

Dia didakwa di bawah Seksyen 132C(1)(b) Akta Syarikat 1965 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 132C(5) Akta sama yang membawa hukuman penjara 5 tahun atau denda RM30,000.00 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Hakim Mahkamah Sesyen, Tuan Awang Krisnada bin Awang Mahmud telah melepaskan Wilfred Lee Vui Ming dengan wang jaminan sebanyak RM2,000.00 dengan seorang penjamin setelah beliau mengaku tidak bersalah. Pengurusan kes ditetapkan pada 28 Februari 2018.

SSM berharap kes di atas dapat dijadikan sebagai satu iktibar dan peringatan kepada pegawai-pegawai syarikat supaya menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh integriti. SSM akan meneruskan tindakan penguatkuasaan terhadap pegawai-pegawai syarikat bagi memupuk tadbir urus korporat yang baik di Malaysia.

DIKELUARKAN OLEH: SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

TARIKH: 22 JANUARI 2018